

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 JULAI 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/07/1130922/syarikat-swasta-orang-ramai-dipelawa-sertai-program-usahawan-tani>

Syarikat swasta, orang ramai dipelawa sertai Program Usahawan Tani



Rafizi berucap pada majlis pelancaran Pusat Kecemerlangan Industri Pertanian IPR INTAN@UPM di Serdang, hari ini - Foto BERNAMA

SERDANG: Kementerian Ekonomi membuka peluang kepada syarikat swasta atau individu persendirian untuk menyertai Program Usahawan Tani (INTAN) di bawah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

Menterinya, Rafizi Ramli, berkata pihaknya menerima banyak permintaan daripada pihak berkenaan sejak program itu mula dilancarkan Februari lalu.

Justeru, katanya kementerian akan menjemput rakan-rakan strategik daripada syarikat swasta dan individu persendirian melalui kaedah permohonan cadangan (RFP).

"Ia antara lain bagi tujuan berikut iaitu syarikat pertanian moden yang bersedia bekerjasama dengan kami untuk membina dan mengurus infrastruktur pertanian moden di tapak-tapak yang telah diperolehi oleh Kementerian Ekonomi.

"Syarikat swasta dan individu yang ingin mengusahakan projek IPR INTAN di atas tanah mereka tersendiri, Kementerian Ekonomi akan menyediakan model perniagaan perkongsian keuntungan kepada peserta-peserta daripada kalangan B40 dan miskin tegar serta syarikat-syarikat pertanian moden yang menjadi operator dan pengurus.

"Bagi projek-projek di atas tanah persendirian dan syarikat swasta, Kementerian Ekonomi akan menyediakan geran pembinaan infrastruktur pertanian tertakluk kepada syarat-syarat yang akan ditetapkan kelak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Pusat Kecemerlangan Industri Pertanian IPR INTAN@UPM di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Hanifah Hajar Taib dan Naib Canselor UPM, Datuk Prof Dr Mohd Roslan Sulaiman.

Rafizi berkata, pihaknya juga berjaya mendapatkan 405 hektar (1,000 ekar) tanah di lapan negeri dalam tempoh lima bulan INTAN dilancarkan.

"Kita berharap untuk mendapatkan 405 hektar tanah yang seterusnya dalam tempoh yang sama juga," katanya.

Tambahnya, tumpuan seterusnya dalam usaha membina infrastruktur pertanian moden adalah untuk melatih profesional daripada kalangan belia yang akan ditempatkan di infrastruktur-infrastruktur pertanian di seluruh negara sebagai pengurus tapak.

"Oleh itu, Kementerian Ekonomi bekerjasama dengan UPM untuk membangunkan sebuah pusat latihan kemahiran pertanian moden.

"Seramai 65 peserta pertama akan mengikuti latihan pada tahun 2024 dan 65 peserta tambahan bakal menyusul pada tahun 2025.

"Tempoh latihan bagi peserta Program Kecemerlangan Industri Pertanian adalah setahun bagi sektor agropreneur dan setahun setengah bagi sektor akuakultur," katanya.

Sementara itu, Mohd Roslan berkata, inisiatif itu adalah sejajar dengan Pelan Strategik UPM 2021-2025 iaitu menjadikan UPM sebagai pusat rujukan pengembangan pertanian tropika iaitu menggembelng pakar pertanian dalam mempergiat aktiviti pengembangan pertanian kepada masyarakat dan komuniti.

"Program ini bukan sahaja melahirkan lebih banyak usahawan tani yang berkemampuan, tetapi juga memperbanyakkan penghasilan makanan dalam negara terutamanya dalam sektor tanaman dan akuakultur," katanya.